

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI, DALAM UPACARA PENUTUP KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA DI DEWAN TUNKU ABDUL RAHMAN, KUALA LUMPUR PADA 7 JUN, 1965

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Jawatankuasa Pemandu, Tuan-tuan dan Puan-puan Sidang Perwakilan Sekalian,

Alhamdulillah Syukur Kehadrat Tuhan Rabbul'alamin, cita-cita Kerajaan hendak mengadakan Kongres Ekonomi Bumiputera telah selamat disempurnakan. Pada tiga hari yang lalu, tuan-tuan dan puan-puan sidang perwakilan sekalian telah berkumpul di Dewan ini berunding, berfikir, bertukar-tukar fikiran di atas perkara yang sangat penting bukan sahaja untuk bumiputera Malaysia ini bahkan untuk kemajuan, keamanan dan keselamatan negara kita ini.

Saya suka mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan wakil-wakil dari Kerajaan-kerajaan Negeri, pertubuhan-pertubuhan perniagaan, Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang telah sudi menerima jemputan kerajaan untuk menghadiri Persidangan Kongres ini. Saya suka juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada rakan saya, Y.B. Encik Mohd. Khir Johari, yang telah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pemandu dan juga Pengerusi Persidangan ini. Begitu juga saya ucapkan berbanyak terima kasih dan tahniah kepada ahli-ahli Jawatankuasa Pemandu dan juga kepada pegawai-pegawai yang telah menjalankan pekerjaan beberapa bulan yang lalu untuk mengadakan persiapan-persiapan bagi Kongres ini, terutama sekali Encik Ishak bin Tadin yang menjadi Setiausaha Kerja Kongres ini.

Kongres ini telah diadakan oleh Kerajaan Pusat di bawah anjuran Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Saya sendiri telah bercita-cita hendak mengadakan Kongres ini beberapa tahun yang lalu sebagai memulakan satu tingkatan dalam usaha kerajaan hendak memajukan iktisad negara kita ini, terutama sekali hendak memaju dan memperbaiki keadaan hidup rakyat yang duduk di luar bandar. Akan tetapi mustahaklah kita adakan Kongres semacam ini pada masa dan ketika yang kita fikirkan benar-benar sesuai. Ada setengah orang sebahagian daripada ahli-ahli Persidangan ini mengatakan Kongres ini sudah lama patut diadakan. Saya tidak bersetuju dengan pandangan itu sungguhpun kita telah lama ada mempunyai cita-cita hendak mengadakan Kongres ini tetapi masa yang kita adakan Kongres Ekonomi Bumiputera yang julung kali ini sangatlah tepat dan sesuai.

Tuan-tuan dan puan-puan mengetahui selepas kita mencapai kemerdekaan dan selepas kita telah amankan tanahair kita ini daripada pegganas-peggnas komunis, kerajaan telah menjalankan rancangan pembangunan luar bandar yang raksaksa bagi memberi kemudahan-kemudahan hidup kepada rakyat seperti jalanraya, sekolah-sekolah, tempat-tempat berubat, bekalan air dan sebagainya. Tujuan kita menjalankan rancangan-rancangan ini bukanlah semata-mata untuk hendak memberi kemudahan-kemudahan yang mustahak yang difikirkan patut rakyat negara ini mempunyainya akan tetapi ialah hendak menunjukkan kepada rakyat bahawa kemerdekaan tanahair kita itu bermakna yang kita semua rakyat negara ini bagaimana miskin dan bagaimana jauh mereka duduk daripada bandar-bandar dan sungguhpun tidak tahu membaca dan menulis, boleh mendapat kemajuan-kemajuan dan kemudahan-kemudahan dan kesenangan-kesenangan yang berlebih-lebihan lagi. Oleh itu dengan adanya rancangan-rancangan yang saya sebutkan tadi disampaikan ke kampung-kampung, ke segala ceruk rantau tanah air kita ini dengan adanya rancangan-rancangan kelas-kelas dewasa untuk membasmi buta huruf, membolehkan rakyat negara kita ini yang tidak ada peluang hendak belajar membaca dan menulis boleh membaca dan menulis, dapatlah timbul perasaan di kalangan rakyat iaitu perasaan dan keinginan kepada kemajuan, kepada perubahan-perubahan dan kepada taraf hidup yang lebih tinggi, lebih bahagia daripada yang ada sekarang ini. Dengan adanya rakyat jelata seluruhnya terutama sekali ahli-ahli bumiputera menunjukkan semangat dan perasaan ingin kepada kemajuan, semangat bersedia hendak berusaha dan berkorban, bekerja dan bertenaga untuk mendapatkan kemajuan itu, baharulah boleh kita adakan Kongres yang semacam ini kerana Kongres ini ialah tujuannya hendak mengetahui akan hasrat dan kehendak rakyat dalam lapangan ekonomi negeri ini dan jikalau rakyat tidak dapat hendak menunjukkan perasaan dan kehendak dan hasrat mereka itu tentulah Kongres yang semacam ini tidak memberi faedah yang kita kehendaki.

Dengan sebab itu pihak kerajaan sungguhpun kita ada cita-cita hendak mengadakan Kongres ini beberapa tahun yang lalu telah menetapkan sekarang ini sebagai masa yang sesuai bagi mengadakan Kongres supaya wakil-wakil daripada bumiputera daripada semua lapisan dapat menghambur buah fikiran dan pandangan-pandangan mereka dan menghamburkan cita-cita dan hasrat mereka itu dalam lapangan ekonomi.

Dalam tiga hari yang lalu, baik dalam Persidangan Penuh ataupun dalam Persidangan Kumpulan Kerja, tuan-tuan dan puan-puan dapat memikir, memberi buah fikiran dan berunding bersama-sama bukan sahaja untuk menunjuk hasrat dan kehendak tuan-tuan dan puan-puan untuk mencari jalan dan ikhtiar bagi mengatasi masalah yang sangat penting dan mustahak ini. Saya sendiri sungguhpun tidak bersama dalam persidangan tuan-tuan dan puan-puan, telah dapat juga mendengar per-

bincangan baik dalam Persidangan Penuh dan juga dalam Persidangan Kumpulan Kerja dan saya sendiri dapat mendengar kehendak-kehendak dan hasrat-hasrat tuan-tuan dan puan-puan dan dapat mengetahui bagaimana kuat dan hangatnya semangat ahli-ahli persidangan sekalian dalam menghadapi masalah memperbaiki iktisad atau ekonomi bumi-putera ini.

Pada petang ini saya adalah dikehendaki menutup Persidangan ini yang telah dibuka oleh Y.T.M. Tunku Perdana Menteri pada 5 haribulan yang lalu. Saya harap tuan-tuan dan puan-puan tidak silap faham di atas tanggungjawab Menteri-menteri dan pekerjaan-pekerjaan Menteri-menteri bukan semata-mata menutup pintu yang telah dibuka oleh Perdana Menteri dan lagi pada fikiran saya istiadat penutup ini adalah silap digunakan dalam upacara penting ini. Tutup ini maknanya kita hentikan pekerjaan kita hari ini, tetapi hari ini ialah permulaan pekerjaan-pekerjaan dan tanggungjawab Kongres.

Seperti saya telah sebutkan, dalam tiga hari yang lalu tuan-tuan dan puan-puan telah memikir dan membincangkan atas beberapa perkara dan telah mendatangkan keputusan-keputusan yang tuan-tuan dan puan-puan serahkan kepada saya pada hari ini. Saya dengan sukacita dan besar hati menerima dan saya mengaku dengan seberapa daya upaya dengan apa jua tenaga yang diberi oleh Tuhan kepada saya dan rakan-rakan saya, Menteri-Menteri yang lain dalam kerajaan Perikatan, kami akan jalankan kehendak-kehendak dan hasrat tuan-tuan dan rakyat-rakyat sekalian dengan sepenuh-penuhnya. Akan tetapi tanggungjawab bagimenjalankan keputusan-keputusan itu ialah tanggungjawab bersama, tanggungjawab kerajaan, tanggungjawab Kongres dan juga tanggungjawab rakyat bumi-putera sekalian. Dengan sebab itu saya telah berkata yang Kongres ini belumlah ditutup, bahkan upacara pada petang ini ialah upacara permulaan kita bekerja, berusaha dan bertenaga menitikkan peluh yang ada dalam badan kita untuk mencapai cita-cita yang kita kehendaki itu. Tiga hari setelah bercakap, berunding dan bertukar fikiran, sekarang sampailah masanya kita bekerja, kita tunai dan laksanakan apa yang telah kita cakap dan apa yang kita telah tulis dalam ketetapan-ketetapan yang ada di hadapan kita pada hari ini.

Ketetapan-ketetapan, hasrat-hasrat dan cita-cita rakyat tidak dapat dilaksanakan semata-mata di atas kertas atau dalam buku yang indah rupanya atau semata-mata dengan menggunakan pensil atau kertas, kehendak-kehendak dan hasrat-hasrat ini hanya dapat disempurnakan dengan tiap-tiap orang, baik Menteri-Menteri, Pegawai-Pegawai Kerajaan, Ahli-ahli Kongres dan seterusnya rakyat bumiputera sekalian menumpukan sepenuh-penuhnya usaha dan tenaga untuk menjalankan keputusan ini.

Sebagai kerajaan yang dipilih oleh rakyat, Kerajaan Perikatan sedia hendak mengatur akan jentera pentadbiran untuk melaksanakan kehendak-kehendak kita ini. Sedia hendak mengatur dasar untuk mencapai cita-cita kita iaitu dasar yang boleh mendapat kemajuan dengan sebenarnya. Akan tetapi kemajuan itu bukan ada di tangan Menteri-Menteri, Perdana Menteri ataupun Menteri-Menteri yang lain, kemajuan itu hanya duduk dalam urat nadi dan titik peluh tiap-tiap seorang wakil-wakil yang hadir di sini dan tiap-tiap seorang ahli bumiputera di seluruh negara kita. Kemajuan hanya akan tercapai dengan usaha dan tenaga yang penuh daripada segala golongan rakyat.

Di dalam persidangan selama tiga hari itu banyak wakil-wakil yang telah menyebut tentang kelemahan-kelemahan dan kekurangan di kalangan bumiputera dalam lapangan ekonomi ini pada masa yang telah lepas dan banyak wakil-wakil yang menyebut kesilapan-kesilapan yang telah dibuat pada masa yang lepas. Sekarang, pada hari ini marilah kita lupakan semua perkara-perkara yang lepas itu, perkara yang telah jadi itu tak siapa pun boleh membetulkannya. Kerajaan tidak boleh menukarnya, Allah s.w.t. saja yang boleh menukarkan perkara yang telah terjadi itu. Perkara itu sudah habis, sekarang marilah kita pandang ke hadapan. Kita berkuasa dan berhak dengan izin Tuhan menukarkan kedudukan kita, untung nasib bangsa kita pada masa yang akan datang, bahkan kita berkuasa membentuk kedudukan bangsa dan negara kita pada masa yang akan datang. Marilah kita bersama-sama mengubah kedudukan kita pada masa yang akan datang, membentuk ekonomi kita dengan cara dan keadaan yang baharu. Inilah pada fikiran saya, ketetapan yang besar dan penting sekali yang patut kita ambil pada Kongres ini iaitu kita semua mengaku berazam bukan sahaja hendak memperbaiki iktisad bumiputera, bukan sahaja hendak memberi peluang yang lebih luas kepada bumiputera dalam lapangan ekonomi, bahkan kita berazam juga bahawa perusahaan dan kemajuan-kemajuan yang kita akan capai dalam lapangan ekonomi bagi negara kita ini adalah sama dengan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh negeri-negeri yang lain yang telah berkemajuan di dunia.

Tuan-tuan dan puan-puan, saya telah sebutkan tadi bahawa tanggungjawab kerajaan ialah mengatur dan menyediakan jentera untuk melaksanakan cita-cita dan kehendak-kehendak Kongres ini dan untuk mengatur dan mengadakan rancangan-rancangan yang sempurna, ini saya mengakui yang kerajaan dan saya sendiri sebagai Menteri yang bertanggungjawab akan menjalankannya. Pada hari semalam, pada masa meletakkan batu asas bangunan RIDA yang baharu, saya telah terangkan cadangan kerajaan hendak mengubah kedudukan RIDA itu hendak memberinya rupa, bentuk, nafas dan jiwa yang baharu dan pada hari ini Kongres telah memberi Lembaga itu nama yang baharu — MARA. Lembaga —

MARA - akan bertanggungjawab menolong dan menjalankan ikhtiar-ikhtiar untuk memperbaiki ekonomi bumiputera. Saya telah mengatur iaitu Lembaga MARA ini akan mempunyai beberapa Bahagian-bahagian Gerakan atau Operational Division: Bahagian Latihan; Bahagian Perusahaan; Bahagian Bantuan Wang; Bahagian Pentadbiran yang mengandungi satu planning dan research dan Bahagian Pengangkutan.

Bahagian Latihan:

Bahagian ini akan bertanggungjawab mengadakan latihan-latihan yang dikehendaki seperti yang terkandung dalam kertas Kongres ini iaitu Dewan Latihan yang ada sekarang ini akan diperbesar dan diperluaskan supaya dapat memberi latihan-latihan yang lebih sempurna lagi kepada ahli-ahli bumiputera yang hendak mengambil bahagian dalam perusahaan dan perniagaan. Begitu juga kita akan mengadakan Pusat-pusat Latihan di tempat-tempat yang tertentu di seluruh negara kita ini untuk memberi latihan dan pengalaman kepada ahli-ahli perniagaan sama ada yang baharu hendak menjalankan perniagaan atau pun yang sudah lama menjalankan perniagaan untuk menambah dan meluaskan pengalaman mereka itu. Kita akan memberi latihan bukan sahaja kepada beberapa ratus orang bahkan kita harap beberapa ribu ahli-ahli perniagaan bumiputera akan diberi latihan.

Bahagian Bantuan Wang:

Mereka-mereka yang diberi latihan oleh Lembaga ini akan diberi pertolongan modal untuk menjalankan dan menjayakan perniagaan atau perusahaan dan kemudian daripada itu diberi pertolongan, nasihat, latihan dan anjuran. Lembaga ini tidak akan memberi pinjaman wang kepada orang-orang yang lain daripada mereka-mereka yang telah diberi latihan akan anjuran oleh Lembaga ini sendiri. Pinjaman bagi bumiputera yang lain akan disediakan kemudahan-kemudahan oleh Bank Rakyat atau Bank Bumiputera yang kerajaan hendak tumbuhkan tidak berapa lama lagi.

Bahagian Perusahaan:

Bahagian ini akan mencari ikhtiar-ikhtiar untuk menubuhkan perusahaan-perusahaan sama ada perusahaan besar, sederhana atau kecil su-

paya rakyat dan bumiputera dapat mengambil bahagian yang sepenuh-penuhnya dalam lapangan perusahaan. Tidak dapat tiada bagi permulaannya Lembaga ini terpaksa menubuhkan perusahaan-perusahaan tetapi diharap perusahaan-perusahaan itu setelah berjalan dengan baik dan licin, akan dapat diserahkan kepada rakyat bumiputera dan penduduk-penduduk luar bandar untuk menjalankannya sendiri.

Bahagian Pentadbiran: Bahagian ini ialah bertanggungjawab menjalankan pentadbiran Lembaga ini dan juga bertanggungjawab mengadakan satu Bahagian Rancangan dan Research iaitu bahagian untuk memikir dan mengatur rancangan-rancangan pada masa yang akan datang dan juga untuk menyemak pelaksanaan rancangan-rancangan yang telah dan sedang dijalankan supaya kemajuan-kemajuannya dari satu masa ke satu masa yang tercapai itu adalah tetap, tegas dan sempurna.

Bahagian Pengangkutan: Bahagian ini akan bertanggungjawab bagi menguruskan perkhidmatan-perkhidmatan pengangkutan yang pada masa ini ada di bawah jagaan RIDA.

Seperti saya sebutkan semalam, Bahagian-bahagian Gerakan ini akan diketuai oleh seorang Timbalan Pengerusi yang diberi tanggungjawab yang baharu untuk melaksanakan rancangan-rancangan di bawah bahagian-bahagian masing-masing. Kita berharap akan dapat mempunyai pegawai-pegawai yang sebenar-benarnya bersemangat dan bersedia, menumpukan sepenuh usaha dan tenaga bagi mengetuai bahagian-bahagian yang tersebut. Tiap-tiap bahagian akan dikehendaki mengadakan Bilik Gerakan masing-masing untuk menunjukkan kemajuan-kemajuan yang dicapainya dari satu masa ke satu masa.

Seperti yang saya terangkan semalam sungguhpun Lembaga MARA ini akan diberi tanggungjawab khas untuk melaksanakan rancangan-rancangan untuk memperbaiki ekonomi bumiputera dan sebuah Sekretariat yang sekarang ini di bawah Kementerian Perdagangan dan Perusahaan akan dipindahkan ke Lembaga ini dan Lembaga ini adalah duduknya di bawah Kementerian Pembangimanan Negara dan Luar Bandar, iaitu di bawah jagaan saya sendiri, akan tetapi Lembaga ini sahaja tentu tidak dapat hendak melaksanakan dan menjayakan semua sekali

rancangan-rancangan yang dikehendaki dalam lapangan ini, melainkan Lembaga ini dapat kerjasama yang penuh daripada Lembaga-Lembaga yang lain seperti Lembaga Pasaran, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Lembaga FIDA dan Lembaga-Lembaga yang lain. Begitu juga mustahak MARA ini mendapat kerjasama yang penuh daripada Kementerian-Kementerian, Pejabat-Pejabat Kerajaan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri, Kementerian-Kementerian seperti Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, Kementerian Pertanian dan Syarikat Kerjasama dan Kementerian Pelajaran ada mempunyai tugas masing-masing dalam lapangan ekonomi bumiputera ini dan juga Kerajaan-Kerajaan Negeri ada mempunyai tugas-tugas yang penting. Jadi, mustahaklah semua Pejabat-Pejabat Kerajaan dan Kementerian-Kementerian yang berkaitan ini bukan sahaja menunaikan kewajipan masing-masing dengan sempurna, bahkan memberi kerjasama yang penuh kepada MARA ini. Kemajuan hanya dapat dicapai dalam lapangan ekonomi bumiputera ini dengan semua Pejabat-pejabat Kerajaan, Kementerian-Kementerian dan Kerajaan-Kerajaan Negeri menumpukan sepenuh-penuh tenaga dengan satu tujuan, satu hati dan satu hasrat untuk memperbaiki ekonomi bumiputera ini. Hanya dengan cara yang semacam ini dapat kita mencapai kejayaan-kejayaan yang cemerlang. Kertas-kertas Kerja Kongres ini dan juga ketetapan-ketetapan yang diperbuat oleh Kongres pada hari ini akan menjadi panduan kepada Kerajaan dan kepada MARA ini untuk menjalankan tugas-tugas mereka itu. Seperti saya sebutkan pada pagi semalam sungguhpun dalam usaha memajukan ekonomi rakyat ini kita berkehendakkan menggunakan hasil-hasil bumi yang ada di negara kita ini seperti bijih timah, getah, barang-barang keluaran hutan dan sebagainya, tetapi hasil atau kekuatan yang mustahak sekali yang patut kita gunakan dalam lapangan ini ialah kekuatan tenaga rakyat. Kita mustahak menggunakan orang-orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan, semangat dan jiwa kebangsaan untuk menjadi ahli-ahli MARA ini dan menolong bersama-sama melaksanakan dasar dan rancangan-rancangan dan hasrat kita hendak memperbaiki ekonomi bumiputera itu. Saya harap Kongres ini sifatkan MARA itu ialah anak kandung Kongres sendiri. Kongres telah pun memberi namanya pada hari ini. MARA ini akan menjalankan kehendak dan cita-cita Kongres. Dengan sebab itu saya sangat sukacita bahawa Kongres telah bersetuju hendak mengadakan satu Sekretariat supaya pekerjaan-pekerjaan Kongres ini dapat diteruskan. Seperti saya telah sebutkan tadi bahawa sebenar-benarnya pada hari ini Kongres ini bukanlah ditutup bahkan baharu mula hendak menjalankan kerja-kerjanya. Saya harap akan dapat kerjasama yang rapat di antara Kongres dengan MARA dan Kongres akan bersama-sama memperhati, mendidik, mengajar dan memelihara anak kandungnya sendiri iaitu MARA.

Pada petang ini saya tidaklah hendak mengulas satu persatu keputusan-keputusan yang telah diperbuat oleh Kongres ini, bahkan tuan-tuan dan puan-puan sudah bercakap tiga hari lamanya. Segala ketetapan-ketetapan itu akan disemak dengan sehalus-halusnya dengan serta merta dan berpandukan kepada keputusan-keputusan itu kerajaan akan mengatur langkah untuk menyediakan rancangan-rancangan yang sempurna dan teratur bagi melancarkan cita-cita dan hasrat-hasrat Kongres ini dan hasrat rakyat bumiputera. Saya boleh menegaskan di sini bahawa tiap-tiap buah fikiran dan pandangan yang dikeluarkan oleh ahli-ahli Kongres akan diberi pertimbangan yang sehalus-halusnya oleh Kerajaan, akan disemak, diatur supaya dijadikan rancangan-rancangan yang boleh memberi kehasilan sepenuhnya kepada rakyat dan kepada bumiputera sekalian.

Saya menerima dengan besar hati cadangan Kongres, iaitu RIDA ditukarkan nama dan dijadikan MARA atau Majlis Amanah Rakyat bumiputera. Saya fikir nama ini sangat sesuai dengan kehendak dan hasrat rakyat bumiputera sekalian. Begitu juga ketetapan Kongres supaya ditubuhkan sebuah Bank Bumiputera itu, kerajaan telah pun menimbang perkara ini dan diharap bank yang dikehendaki itu dapat ditubuhkan tidak berapa lama lagi. Begitu juga setengah-setengah daripada perkara yang terkandung dalam 69 ketetapan yang dibuat oleh Kongres ini, kerajaan telah pun mula mengambil langkah menjalankannya. Lapangan tanah, umpamanya, cadangan kerajaan supaya mencantumkan tanah yang tidak ekonomi dalam kawasan luar bandar itu, saya telah pun melantik satu jawatankuasa untuk menyediakan undang-undang bagi menubuhkan satu lembaga yang akan bertanggungjawab di atas hal ini, iaitu lembaga Land Consolidation and Rehabilitation Authority.

Begitu juga untuk menyemak dan mengawasi pelaksanaan segala keputusan dan syor-syor yang dibuat oleh Kongres, saya akan melantik sebuah jawatankuasa seperti dikehendaki oleh Kongres. Dalam persidangan Kongres ini tuan-tuan dan puan-puan telah diberi sepenuhnya peluang untuk mengeluarkan buah fikiran yang tulus ikhlas. Inilah sebenar-benarnya menunjukkan yang Kerajaan Perikatan berdasarkan demokrasi bukan sahaja dalam lapangan siasah bahkan dalam lapangan iktisad juga. Kerajaan adalah menerima pandangan dan buah fikiran yang bebas, yang ikhlas yang diberi oleh rakyat. Saya sentiasa sebutkan Kerajaan Perikatan sentiasa berdamping dengan rakyat, sedia hendak menjalankan kehendak-kehendak dan hasrat-hasrat rakyat. Tuan-tuan dan puan-puan dan ahli-ahli bumiputera sekalian bolehlah berpuas hati bahawa dalam usaha memperbaiki ekonomi bumiputera ini tuan-tuan dan puan-puan dan bumiputera sekalian telah bersama-sama mengeluarkan buah fikiran, bersama-sama menyediakan dasar dan

rancangan-rancangan dan bersama-sama melaksanakan rancangan itu. Inilah contoh yang sebenar-benarnya menunjukkan kita ini berdasarkan demokrasi dan menjalankan demokrasi dengan betul dan ikhlas.

Dalam negara demokrasi, kerajaan dan rakyat itu ialah satu kerajaan yang dipilih oleh rakyat iaitu dalam menjalankan rancangan-rancangan untuk memperbaiki ekonomi bumiputera ini mustahaklah rakyat dan kerajaan itu mempunyai kerjasama yang sepenuhnya.

Rakyat telah memberi mandat kepada kerajaan untuk menjalankan kehendak-kehendak dan hasrat-hasrat mereka, kerajaan bertanggung-jawab menyediakan jentera dan mengatur rancangan-rancangan yang hendak dijalankan, akan tetapi dalam melaksanakan rancangan-rancangan itu rakyat dan kerajaan mustahaklah bersama-sama menumpu dan mencurahkan usaha dan tenaga mereka itu. Saya telah sebutkan tadi, kemajuan sesuatu bangsa itu bukanlah dalam tangan kerajaan bahkan bukanlah dalam tangan Menteri, tetapi ialah dalam tangan, dalam nadi dan titik peluh tiap-tiap orang rakyat negara ini. Oleh itu kalau kita semua ada mempunyai keazaman, semangat dan jiwa ingin kepada kemajuan, semangat dan jiwa berani dan bersedia bekerja, berkorban dan bertena-ga, dengan berkat Tuhan kemajuan-kemajuan akan tercapai. Inilah pesan dan harapan saya kepada tuan-tuan dan puan-puan, kepada Kongres ini dan kepada bumiputera seluruhnya.

Tuan-tuan dan puan-puan, langkah kita mengadakan Kongres Ekonomi Bumiputera ini bolehlah dibandingkan sama dengan langkah Kerajaan Amerika melancarkan angkasawan-angkasawannya ke angkasa lepas. Kerajaan dan Kongres ini telah melancarkan angkasawan ke angkasa lepas ekonomi supaya dapat bumiputera mengambil bahagian yang lebih sempurna, lebih penting dan akhirnya mendapat kejayaan dan kemakmuran yang kita kehendaki. Kita telah lancarkan bukannya GEMINI bahkan MARA ke angkasa lepas dengan penuh harapan bahawa kapal angkasa lepas kita itu dapat membawa kita kepada kesenangan dan kemakmuran.

Sekianlah sahaja, saya ucapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan selamat balik ke tempat masing-masing dan saya ucapkan Kongres ini terus maju dan berjaya.